

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH Anjur Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-33

Kuala Terengganu, Isnin, 28 November 2016: Lembaga Tabung Haji (**TH**) mengadakan Majlis Penutup Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-33 hari ini, bertempat di **TH** Hotel & Pusat Konvensyen Kuala Terengganu. Majlis penutupan ini disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Muzakarah Haji yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 26 sehingga 28 November 2016 ini, memberi peluang kepada lebih daripada 500 para ilmunan agama dan pembimbing ibadah haji berkongsi ilmu serta menetapkan keseragaman hukum-hakam dan mencari penyelesaian terbaik berkaitan ibadat haji, umrah dan ziarah demi kepentingan jemaah haji Malaysia.

Para pembimbing merupakan tempat rujukan utama para jemaah haji mengenai permasalahan berkaitan ibadat berkenaan. Justeru itu, mereka disarankan untuk memberikan penjelasan dengan tepat terhadap hukum-hakam berkaitan ibadat haji, umrah dan ziarah berlandaskan resolusi yang dimuktamadkan dalam muzakarah ini.

Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentang dan dibincangkan serta satu (1) sesi perkongsian oleh delegasi dari Negara Kemboja diadakan pada muzakarah kali ini.

YB. Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa kos untuk muasassah musim Haji 1438H meningkat kepada RM19,550.00 seorang. Namun begitu, bayaran haji tetap pada RM9,980.00. Maka subsidi haji akan meningkat kepada RM9,570.00 untuk seorang jemaah. Ini menjadikan jumlah subsidi yang bakal ditanggung oleh **TH** adalah lebih RM200 juta pada tahun hadapan.

Jumlah subsidi yang bakal ditanggung oleh **TH** ini tidak termasuk perkhidmatan-perkhidmatan tidak langsung yang diberikan kepada semua jemaah haji negara secara percuma seperti penganjuran kursus-kursus bimbingan haji, buku-buku dan risalah panduan haji, kos para petugas haji, perkhidmatan perubatan, prasarana stesen berlepas dan pelbagai lagi perkhidmatan tambah nilai untuk keselesaan jemaah. Kos-kos ini ditanggung secara terus menerus oleh **TH**.

Muzakarah Haji kali ini turut dihadiri oleh YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH**; YBhg. Dato' Johan Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**; YBhg Dato' Syed Saleh Syed Abd. Rahman, Ketua Rombongan Haji Malaysia; Ahli-Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, wakil-wakil agensi dan jabatan kerajaan serta pegawai-pegawai **TH**.

- Tamat -

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 123 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.